

*Akademika 87(1), April 2017:123-140*

<http://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-09>

## Penerokaan Aliran Tematik Penulisan Bahasa Sepanyol Sebagai Bahasa Asing Berdasarkan Bidang Pengajian

### Exploration of Written Spanish Thematic Progression as a Foreign Language According to Disciplinary Study

AZLINA MOHD SERA'AI, IDRIS AMAN & MASERAH SHABUDIN

#### ABSTRAK

*Dalam pembelajaran bahasa asing, menulis merupakan salah satu alat yang penting kerana bertujuan memperoleh maklumat dan kemahiran yang baharu. Maka, seorang pelajar perlu mengetahui interaksi antara klausa berdasarkan informasi yang terkandung dalam Tema dan Rema di dalam teks. Didapati kajian penulisan karangan sebagai bahasa asing tertumpu kepada kajian linguistik, pembelajaran dan pengajaran dan eksperimental benar. Namun, kajian tematik dimensi linguistik hanya membicarakan aliran tematik di sekitar teks tanpa mengambil kira pembolehubah lain seperti bidang pengajian. Bahkan, kajian tematik yang menjurus kepada penulisan karangan bahasa asing selain bahasa Inggeris amat terhad. Maka, kajian ini berobjektif mengenal pasti, menghurai dan menjelaskan penguasaan aliran tematik dalam teks yang dihasilkan oleh pelajar tahap lanjutan bahasa Sepanyol dari angkubah bidang pengajian. Sebanyak 30 teks naratif dan 30 teks ekspositori yang melibatkan 207 unit perenggan dianalisis. Pergerakan aliran idea dalam setiap perenggan dianalisis berpandukan kerangka aliran tematik, Rema Regresi, Rema Ulangan, Tema Rencam, Box Development dan Pair to Single Development. Hasil kajian memaparkan, kesemua bidang pengajian memanfaatkan aliran Tema Rencam tanpa menyedari genre penulisan, pelajar Sains Sosial lebih kreatif mempelbagaikan jenis aliran Tema dalam kedua-dua genre penulisan, pelajar Sains dan Teknologi tidak memanfaatkan aliran Tema Kekal dalam teks naratif dan garapan idea teks ekspositori pelajar Sains Kemanusiaan cenderung kepada norma penulisan teks naratif. Ini menggambarkan pembolehubah bidang pengajian tidak berperanan dan tidak mempengaruhi pembinaan aliran tematik mereka. Walaupun berada di tahap lanjutan namun, masih belum menguasai aspek aliran tematik dengan sebaik-baiknya. Disyorkan, pendekatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan Tema/Rema dalam kelas bahasa asing diintegrasikan ke dalam penulisan.*

*Kata kunci: Aliran tematik; bahasa Sepanyol; penulisan; tema dan rema; bidang pengajian*

#### ABSTRACT

*In learning a foreign language, writing is one of the most important tool in order to acquire new information and skills. Hence, a student needs to know the interaction between clauses based on information contained in Theme and Rheme in the text. The study of essay writing as a foreign language focused on linguistic, learning and teaching, and experimental. However, studies on thematic linguistic dimension have only discussed the thematic progression surrounding text without taking into account other variables such as disciplinary of study. In fact, thematic studies on writing as a foreign language other than English are scarced. Thus, this study aims to identify, describe and explain the mastery of thematic progression in texts produced by advanced students of Spanish based on disciplinary of study. A total of 30 narrative texts and 30 expository texts which involves 207 paragraphs are analysed. The movement of ideas in each paragraph is analysed based on the thematic progression scheme outline, Rheme Regression, Rheme Iteration, Mix Theme, Box Development and Pair to Single Development. The findings reveal that all disciplinary of studies deployed Mix Theme without noticing the genre of writing, Social Sciences students more creative on diversify of themes in both genres of writing, Science and Technology students do not deploy Constant*

*Theme in narrative text and the idea of Human Sciences students text expository tends to write a narrative text. This shows that the disciplinary of study do not play a role nor influence the construction of their thematic progression. They still have not mastered the aspect of thematic progression well although learned in the advanced stage. It is recommended that teaching and learning approach using Theme/Rheme in foreign language classes integrated into writing.*

*Keywords: Thematic progression; Spanish; writing, theme and rheme, disciplinary studies*

## PENGENALAN

Dalam meniti arus globalisasi masyarakat dunia pada hari ini, penguasaan sekurang-kurangnya satu bahasa asing selain bahasa Inggeris dapat meningkatkan peranan yang meluas dalam hubungan antarabangsa, menjadi nilai tambah dan memudahkan seseorang individu untuk berjaya dan berdaya saing dalam pasaran dunia pekerjaan global. Maka dengan kesedaran itu, Malaysia telah mengambil langkah mentransformasikan sistem pendidikan negara dengan memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (selanjutnya PPPM) 2013-2025 di peringkat Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah dan Pendidikan Tinggi. Di dalam pelan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meletakkan kepentingan mempelajari bahasa asing bermula di peringkat pendidikan rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam PPPM Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah, mempelajari bahasa asing nyata dipaparkan dalam anjakan kedua transformasi sistem pendidikan negara dari sebelas anjakan yang disyorkan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Manakala, PPPM yang memfokuskan pendidikan tinggi telah menyelitkan kepentingan bahasa asing dalam lonjakan pertama iaitu penghasilan graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan dari 10 lonjakan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015). Kementerian Pendidikan Malaysia menasarkankan menjelang tahun 2025, sebanyak 30% murid mencapai tahap mampu berinteraksi dengan bebas (*independent proficiency*) bagi bahasa tambahan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013: 4-11). Menurut *Common European Framework of Reference for Languages* (selanjutnya CEFR), *independent proficiency* bermaksud kebolehan seseorang berinteraksi dalam wacana sosial (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013: 4-11). Hal ini menggambarkan bahawa penguasaan bahasa asing selain dari bahasa Inggeris dititikberatkan kepada pelajar

seiring dengan trend global semasa serta sebagai persediaan generasi muda untuk menghadapi cabaran keperluan komuniti masyarakat abad ke-21.

Penguasaan bahasa meliputi empat kemahiran penting, iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis (CEFR 2001). Antara empat kemahiran tersebut, menulis merupakan satu alat yang penting kerana ia bertujuan memperoleh maklumat dan kemahiran yang baharu (Sánchez 2009). Bahkan, menerusi penulisan membolehkan individu berkomunikasi dengan mereka yang datang dari latar belakang dan budaya yang berbeza terutamanya dalam bahasa kedua seperti yang diperkatakan Alderson dan Bachman (2002: x):

*Writing...an essential tool for people of all walks of life in today's global community. Whether used in reporting analyses of current events for newspapers or web pages, composing academic essays, business reports, letters, or e-mail messages, the ability to write effectively allows individuals from different cultures and backgrounds to communicate. Furthermore, it is now widely recognized that writing plays a vital role not only in conveying information, but also in transforming knowledge to create new knowledge. It is thus of central importance to students in academic and second language programs throughout the world.*

Dalam kerangka CEFR, penguasaan bahasa seorang pelajar boleh diperhatikan dalam kompetensi wacananya. Kompetensi wacana merujuk keupayaan seorang pelajar untuk menyusun ayat dalam urutan bagi menghasilkan teks bahasa yang koheren (CEFR 2001: 123). Ia termasuk pengetahuan dan keupayaan untuk mengawal susunan ayat dari segi Tema/Rema, organisasi tematik, koheren, kohesi, organisasi retorik, stail dan sebagainya (CEFR 2001: 123). Maka, jelas menunjukkan bahawa CEFR meletakkan matlamat dan menekankan peri pentingnya unsur Tema/Rema dan tematik, koheren dan kohesi yang perlu wujud dalam sebuah karangan penulisan dan dimanfaatkan sebagai kayu ukur dalam

penulisan. Perihal ini sejajar dengan pandangan yang ditekankan oleh Medve dan Takač (2013) mengenai keperluan koheren sebagai salah satu elemen penting yang perlu wujud dalam penulisan.

Selain itu, kohesi pula merupakan konsep semantik iaitu merujuk pada hubungan makna yang wujud di dalam wacana (Halliday dan Hasan 1976). Tetenunan timbul apabila interpretasi sesuatu elemen dalam teks bergantung kepada interpretasi elemen lain dalam teks yang sama. Hubungan atau perkaitan tersebut mewujudkan tetenenunan yang dipanggil ikatan tetenenunan yang terdiri dari nahuan dan leksikal. Kedua-dua ikatan tersebut menjadi formulasi bagi menghasilkan teks yang koheren. Menurut mereka lagi, tetenenunan adalah satu faktor yang menunjukkan sama ada teks berkait dengan baik atau hanya satu kumpulan ayat yang tidak berkait. Terdapat pelbagai jenis ikatan tetenenunan nahuan seperti rujukan, penggantian, penghilangan, penanda wacana dan tetenenunan leksikal seperti perulangan kata, sinonim, superordinat dan kolokasi. Kesemua ikatan ini menghasilkan tetenenunan dalam sebuah teks. Dengan kata lain, tetenenunan merujuk penggunaan yang betul dari segi linguistik yang jelas atau alat tetenenunan untuk menghubungkan ayat dalam teks.

Dalam sesebuah penulisan, proses membentuk mesej dan menyampaikannya dengan tersusun, koheren dan berkesinambungan merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh seorang penulis (Ping 2007). Oleh hal yang demikian, bagi menghasilkan sebuah teks yang baik adalah amat perlu seorang pelajar mengetahui bagaimana mengorganisasikan atau memilih Tema dan Rema dalam penulisan. Hubungan atau interaksi di antara Tema dan Rema di dalam teks akan mengawal aliran maklumat dan koheren. Koheren, pengaliran idea dan hubungan logik antara ayat dalam sebuah teks penulisan adalah penting. Tema merupakan elemen yang berfungsi sebagai titik tolak mesej, bahkan menempatkan dan mengorientasikan klausa dalam konteksnya. Mesej yang selebihnya dipanggil Rema iaitu bahagian yang akan membentuk Tema (Halliday dan Matthiessen 2004: 64). Konsep aliran tematik mula diperkenalkan oleh Daneš (1974), iaitu aliran Tema Linear Mudah, Tema Kekal, Tema Utama dan Pemisahan Rema yang memfokuskan pembangunan idea dalam sesebuah teks. Beliau juga mendefinisikan aliran tematik sebagai

*“...the choice and ordering of utterance themes, their mutual concatenation and hierarchy, as well as their relationship to the hyperthemes of the superior text units (such as the paragraph, chapter...), to the whole text and to the situation. Thematic progression might be viewed as the skeleton of the plot”* (Daneš 1974: 114).

Manakala, Fries (1983) berpandangan bahawa aliran tematik berkolerasi dengan struktur teks. Beliau menyimpulkan bahawa dalam penulisan ekspositori, aliran Tema Linear dimanfaatkan sebagai asas utama binaan idea dan karangan naratif lebih cenderung memanfaatkan aliran Tema Kekal sebagai aliran idea utamanya. Tegasnya,

*“In expository prose, each sentence should follow logically from what has gone before. This implies in part that the point of departure of each sentence should relate in some way to what has preceded”* (Fries 1983: 121).

*“In narrative prose tend to relate a sequence of each events involving a common character or set of character...As a result the point of departure of each clause or sentence in the narration tends to have sequences of clauses each having the same type of theme as the previous one”* (Fries 1983: 124).

Dalam pada itu, cabaran yang perlu dihadapi oleh seorang penulis bukan sahaja menghasilkan sebuah teks yang koheren bahkan, kepelbagaian bidang pengajian (falsafah ‘ethos’ dan pengetahuan ‘epistemology’) turut memberi kesan kepada kepelbagaian bentuk wacana (North 2005). Sejajar dengan pandangan North (2003) yang menyatakan bahawa ciri-ciri linguistik dan retorik yang terkandung dalam teks berupaya mencerminkan latar belakang bidang pengajian yang dibentuk menerusi lakuan sosial mereka. Kepelbagaian bentuk organisasi penulisan yang wujud dalam bidang pengajian timbul daripada epistemologi dan amalan sosial yang berbeza (North 2005). Dengan demikian, keupayaan untuk mengawal wacana ini adalah penting untuk menggambarkan kejayaan seorang pelajar. Secara lumrahnya, seorang pelajar yang menuntut di mana-mana institusi pengajian tinggi (universiti), akan mempelajari subjek-subjek berdasarkan kepada bidang pengajian yang dipilih dan diikuti mereka seperti Sains, Kejuruteraan, Sastera, Ekonomi dan sebagainya. Maka setiap bidang pengajian memiliki cara penyampaian penulisan yang berbeza. Durrant (2015) mengklasifikasikan bidang pengajian kepada dua, iaitu i) Kemanusiaan dan Sains Sosial dan ii) Sains dan Teknologi. Penyampaian idea penulis

bidang pengajian Sains dan Teknologi dikatakan berbentuk jalinan idea yang disokong dengan hujah-hujah, lebih memanfaatkan alatan tetenunan sebab dan akibat (penghubung) ketika memautkan ayat dan penyampaian mesej adalah dalam bentuk rajah dan jadual (Durrant 2015). Penulis dari bidang pengajian Kemanusiaan dan Sains Sosial pula, meluahkan ideanya menerusi pelbagai tafsiran atau mencapah dan lebih memfokuskan alatan tetenunan nahan berlawanan bagi mengaitkan sesuatu perkara (Durrant 2015).

## SOROTAN LITERATUR

Umum mengetahui bahawa, kerangka aliran tematik Daneš (1974) telah menjadi rujukan, panduan dan menerima pelbagai cadangan serta penambahbaikan dalam kajian penulisan sehingga ke hari ini. Setakat semakan, didapati skop kajian penulisan karangan sebagai bahasa asing menjurus kepada kajian linguistik, pembelajaran dan pengajaran dan eksperimental benar. Kajian linguistik ialah kajian yang membincangkan sistem dan komponen struktur bahasa seperti kompetensi wacana, kompetensi linguistik dan kombinasi kompetensi linguistik dan wacana. Kajian pembelajaran dan pengajaran pula bermaksud kajian yang memerihalkan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran, strategi pembelajaran, kesilapan bahasa dan psikologi. Manakala kajian eksperimental benar merupakan sebuah kajian yang bersifat menguji keberkesanan suatu program atau aktiviti terhadap responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan diagih secara rawak. Benar merujuk proses atau aktiviti itu berlaku dalam situasi yang nyata iaitu dikawal dan diberi rawatan yang melibatkan pra-ujian (*pre-test*) dan pasca-ujian (*post-test*).

Sekiranya difokuskan kajian linguistik kepada isu kompetensi wacana, ia merujuk kajian yang mengutarakan pengetahuan dan keupayaan menyusun ayat bagi menghasilkan struktur bahasa yang koheren seperti aliran tematik, organisasi tematik, tetenunan, penanda wacana dan organisasi retorik. Antara kajian yang dikenal pasti menjurus kepada aliran tematik ialah Alonso (2002); Azlina dan Maserah (2015); De Haan dan Van Esch (2008); Ebrahimi dan Ebrahimi (2012); Gao (2012); Herriman (2011); Jalilifar (2010); Medve dan Takač (2013); Norfaizah dan Anida

(2014); Norfaizah, Anida dan Idris (2014); Teijeira Rodríguez et al. (2005) dan Van Esch et al. (2006). Walau bagaimanapun, jika diperhalusi skop kajian yang memfokuskan aliran tematik penulisan karangan sebagai bahasa asing masih belum memadai. Hal ini adalah kerana, pemerihalan kajian-kajian tersebut kebanyakannya berlegar-legar di sekitar teks sahaja tanpa mengambil kira pembolehubah lain seperti bidang pengajian yang boleh mempengaruhi penghasilan penulisan pelajar. Sebagai contoh pembicaraan kajian Alonso (2002) hanya mengenal pasti dan menghuraikan kelemahan penggunaan aliran tematik dalam karangan argumentasi pelajar yang mempelajari bahasa Sepanyol (selanjutnya BS) sebagai bahasa asing di Sepanyol dengan menggunakan model Daneš (1974). Perbincangan kajian Azlina dan Maserah (2015) pula, hanya mengenal pasti dan menghuraikan pemanfaatan ciri aliran tematik karangan ekspositori BS sebagai bahasa asing tanpa menyelitkan pembolehubah lain. Manakala, skop kajian Norfaizah dan Anida (2014) dan Norfaizah, Anida dan Idris (2014) boleh dikatakan hampir sama, kerana hanya menyenaraikan dan memberikan beberapa pemanfaatan aliran tematik yang betul dan bermasalah dalam penulisan karangan responden mereka. Perbincangan Norfaizah, Anida dan Idris (2014) sebenarnya merupakan lanjutan dari Norfaizah dan Anida (2014). Boleh dikatakan kajian Norfaizah, Anida dan Idris (2014) seumpama cadangan pedagogi yang boleh dipraktikkan dalam kelas bahasa apabila mereka mengesyorkan pengajar bahasa menggunakan konsep Tema dan Rema dalam pengajaran dan penilaian karangan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menerusi beberapa contoh teknik yang diberikan. Hanya terdapat sebuah kajian yang menggarap skop aliran tematik dari sudut yang sedikit berlainan daripada kajian Alonso (2002); Azlina dan Maserah (2015); Norfaizah dan Anida (2014), Norfaizah, Anida dan Idris (2014), iaitu membandingkan pemanfaatan jenis aliran Tema dari sudut tahun pengajian pelajar (tahun satu, pertengahan dan akhir). Kajian tersebut digarap oleh Ebrahimi dan Ebrahimi (2012) yang memfokuskan pembinaan aliran tematik dalam teks naratif bahasa Inggeris oleh pelajar di Iran. Dapatannya menunjukkan bahawa mereka mengikuti norma penulisan naratif iaitu pemanfaatan aliran Tema Kekal melebihi aliran Tema yang lain.

Di samping itu, terdapat pengkaji yang menggabungkan perbincangan skop aliran tematik dengan topik kompetensi wacana yang lain seperti organisasi tematik, tetenunan, penanda wacana dan organisasi retorik. Antara yang dikenal pasti ialah De Haan dan Van Esch (2008); Gao (2012); Herriman (2011); Jalilifar (2010); Medve dan Takač (2013); Teijeira Rodríguez et al. (2005) dan Van Esch et al. (2006). Namun, perbincangan kajian mereka (kecuali Gao 2012 dan Jalilifar 2010) masih berlegar-legar di sekitar teks sahaja.

Menerusi pengamatan, kajian De Haan dan Van Esch (2008); Teijeira Rodríguez et al. (2005) dan Van Esch et al. (2006) menyelongkar tiga skop kompetensi wacana, iaitu tetenunan, aliran tematik dan organisasi teks (pengenalan, isi dan penutup). Ketiga-tiga kajian tersebut dirumuskan memiliki perkaitan dan persamaan kerana mereka menggunakan kaedah yang sama, iaitu koheren tematik (maklumat semantik dikongsi di antara ayat), koheren retorik (fungsi sesuatu ayat pada ayat lain) dan organisasi teks (pengenalan, isi, penutup dan *progressive sequence*).

Kajian Gao (2012) dan Medve dan Takač (2013), boleh dikatakan memanfaatkan dua skop perbincangan yang sama iaitu analisis struktur topikal (aliran tematik) dan tetenunan (nahuan dan leksikal). Namun begitu, Gao (2012) mengulas skop kajian mereka dari sudut bangsa, iaitu membandingkan hasil karangan argumentasi bahasa Inggeris oleh pelajar Cina (Beijing) dan pelajar natif (Amerika Syarikat). Dapatannya memaparkan pelajar Cina dan pelajar natif lebih memanfaatkan aliran Tema Kekal berbanding aliran Tema Linear dalam pengaliran idea teks argumentasi. Pelajar Cina dilaporkan lebih memanfaatkan alat tetenunan pengulangan leksikal dan sinonim berbanding pelajar natif. Manakala kajian Medve dan Takač (2013), hanya mengenal pasti dan menjelaskan pemanfaatan struktur topikal (aliran tematik) dan fitur nahuan dan leksikal dalam karangan argumentasi pelajar berbangsa Croatia yang mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa Jerman sebagai bahasa asing. Mereka mendapati, pelajar bahasa Jerman lebih baik dari sudut tetenunan nahuan dan leksikal dan aliran ideanya berbanding pelajar bahasa Inggeris. Ini disebabkan pelajar bahasa Jerman pernah mengikuti program atau kursus di negara Jerman.

Sementara itu, skop kajian Herriman (2011) dan Jalilifar (2010) pula memfokuskan kepada aliran tematik dan organisasi tematik. Kajian

Herriman (2011), menekankan aspek aliran tematik dan Tema Topikal dalam esei argumentasi bahasa Inggeris pelajar Sweden dan pelajar natif berbangsa British. Manakala, kajian Jalilifar (2010) agak berlainan sedikit. Hal ini kerana beliau bukan sahaja mengenal pasti pemanfaatan organisasi tematik (tema topikal, tema tekstual dan tema interpersonal) dan aliran tematik dalam penulisan naratif pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan penutur natif di Iran bahkan juga menyiasat hubungan di antara tahap pencapaian bahasa dengan penggunaan organisasi tematik dan aliran tematik.

Selain itu, jika dikecilkan skop kajian berkenaan aliran tematik yang menjurus kepada aliran tematik dalam penulisan BS sebagai bahasa asing, perbincangannya masih belum hangat diperkatakan. Setakat semakan, kajian yang dikenal pasti ialah Alonso (2002); Azlina dan Maserah (2015); De Haan dan Van Esch (2008); Teijeira Rodríguez et al. (2005) dan Van Esch et al. (2006). Menerusi pengamatan, pemberatan kajian kebanyakannya lebih gemar membicarakan aliran tematik dalam penulisan bahasa Inggeris seperti Ebrahimi dan Ebrahimi (2012); Gao (2012); Herriman (2011); Jalilifar (2010); Medve dan Takač (2013); Van Esch et al. (2006). Hal sedemikian turut diakui oleh Belcher (2013); Kubota (2013); Reichelt et al. (2012) yang merumuskan bahawa pemberatan kajian penulisan dalam bahasa asing lebih terarah kepada penulisan dalam bahasa Inggeris dan kurangnya kajian penulisan bahasa asing selain dari bahasa Inggeris. Belcher (2013: 439) menegaskan "*still less a part of what we have seen reflected in the L2 writing literature is writing in a second/foreign language other than English*". Walaupun, bahasa Inggeris merupakan bahasa global dari sudut sosial dan ekonomi (Wee Sew 2012) namun, 'tidak bermakna kajian penulisan dalam bahasa selain bahasa Inggeris adalah ketinggalan zaman' Kubota (2013: 431). Oleh hal yang demikian, percambahan ilmu pengetahuan dalam bahasa asing selain dari bahasa Inggeris perlu digembleng.

Dengan demikian, tidak dapat dinafikan kajian mengenai aliran tematik telah memberi impak kepada kajian penulisan karangan sebagai bahasa asing. Namun, skop kajian tersebut masih belum memuaskan. Bagi pelajar yang mengikuti bidang pengajian yang pelbagai sudah tentu menimbulkan perbezaan dan kesukaran untuk menulis karangan dalam bahasa asing. Oleh yang demikian, penulis berinisiatif untuk melanjutkan kajian mereka

dengan membicarakan penguasaan aliran tematik dari sudut bidang pengajian bagi merencanakan dan memantapkan lagi badan pengetahuan kajian penulisan karangan sebagai bahasa asing. Permasalahan ini bertepatan dengan pandangan Kubota (2013: 431):

*Writing, also has to do with who does the writing and what relations of power exist in this activity...Further research and advocacy can seek ways to establish greater equality for writers from additional minority backgrounds (e.g., gender, race, nationality, religion) engaging in various types of writing activities.*

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berobjektif mengenal pasti, menghurai dan menjelaskan aliran tematik yang terkandung dalam penulisan karangan naratif dan ekspositori pelajar BS sebagai bahasa asing berdasarkan pembolehubah bidang pengajian. Menerusi pemanfaatan aliran tematik dalam mengkaji teks tulisan dapat memberi gambaran cara maklumat atau tema dialirkan dari ayat ke ayat seterusnya bagi membentuk teks (Idris 2010) dan juga dapat mengetahui bagaimana Tema berubah ke seluruh wacana.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk penghuraian bagi meningkatkan kefahaman penulisan pelajar BS sebagai bahasa asing. Selain itu, ujian kuantitatif berbentuk deskriptif juga dipraktikkan bagi menyokong dan mengukuhkan lagi hujah dapatan kajian. Huraian kaedah kajian meliputi persampelan, data kajian, kerangka kajian, pengukuran dan analisis data.

## PERSAMPELAN DAN DATA KAJIAN

Sampel kajian ialah 30 orang pelajar BS yang mengambil tahap lanjutan (III) sebagai subjek elektif, wajib atau audit di Pusat Bahasa, Universiti Utara Malaysia dan di Jabatan Bahasa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dari jumlah tersebut, sebanyak 24 orang pelajar mengikuti Pengajian Kewangan, Pemasaran, Teknologi Maklumat, Teknologi Media, Hospitaliti, Sains Pengurusan Perniagaan Tani dan Pengurusan Perhubungan

Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia. Manakala enam orang pelajar mengambil jurusan Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Berdasarkan Durrant (2015) pelajar tersebut dikategorikan sebagai pelajar Sains Sosial (selanjutnya SS) (Kewangan, Pemasaran, Hospitaliti, Sains Pengurusan Perniagaan Tani dan Pengurusan Perhubungan Antarabangsa), iaitu 21 subjek atau 70%, Sains dan Teknologi (selanjutnya ST) (Teknologi Maklumat dan Teknologi Media) berjumlah tiga subjek atau 10% dan Sastera dan Kemanusiaan (selanjutnya SK) (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa Kedua) berjumlah enam subjek atau 20%.


Data dikutip pada minggu ke-11 dan 12 daripada 14 minggu kuliah. Mereka mengikuti kelas BS sebanyak 3 jam (UUM) atau 2 jam (UPSI) dalam seminggu sehingga minggu ke-14. Secara keseluruhan mereka mempelajari BS sebanyak 42 jam (UUM) dan 28 jam (UPSI) bagi satu semester. Walaupun jumlah jam pembelajaran mereka berbeza, namun berdasarkan analisis sukatan pembelajaran di kedua-dua buah universiti dapat disimpulkan bahawa topik pembelajaran yang dipelajari adalah sama. Kajian ini memanfaatkan 60 buah teks karangan (30 buah teks ekspositori dan 30 buah teks naratif) yang dikutip sebanyak empat kali, iaitu pada semester 1 tahun 2013/2014, semester 2 tahun 2013/2014, semester 1 tahun 2014/2015 dan semester 2 tahun 2014/2015. Jumlah perenggan yang dianalisis ialah sebanyak 207 buah perenggan.

## KERANGKA KAJIAN

Kerangka Aliran Tematik (*Thematic Progression*) oleh McCabe (1999) dimanfaatkan dalam kajian ini. Pemilihan pendekatan ini dapat memperlihatkan sesebuah teks itu perlu memiliki aliran maklumat dalam memastikan kesinambungannya. Tematik boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Tema dan Rema. Tema merupakan titik permulaan dalam sesuatu ayat atau maklumat, manakala gabungan kepada maklumat Tema ialah Rema. McCabe (1999) menggunakan kerangka Daneš (1974) yang kemudiannya diadaptasi dan diubah suai dengan mengkategorikan aliran tematik kepada dua jenis, iaitu aliran Tema yang mengandungi aliran Tema Kekal dan aliran Pemisahan Tema. Manakala aliran Rema pula terdiri dari aliran Tema Linear Mudah dan aliran Pemisahan Rema. Aliran Tema Utama

tidak dimasukkan sebagai salah satu jenis aliran tematik, kerana McCabe (1999: 171) berpandangan ia mungkin berkait dan bertindih dengan aliran Tema Kekal atau Tema Linear. Kajian ini juga mengambil kira beberapa aliran tematik tambahan seperti Enkvist (1973) yang mengenal pasti dua bentuk aliran tematik, iaitu Rema Ulangan (*Rheme Iteration*) dan Rema Regresi (*Rheme Regression*), Ping (2005: 718-720) memperkenalkan aliran 'Box Development' dan 'Pair to Single Development' dan Idris (2010) aliran Tematik Rencam.


Aliran pertama, iaitu aliran Tema Linear merupakan tahap yang paling asas bagi aliran tematik (Daneš 1974; McCabe 1999). Aliran ini menjelaskan bahawa setiap Rema (R) dalam ayat menjadi Tema (T) pada setiap ayat berikutnya (Rajah 1).



RAJAH 1. Aliran Tema Linear

Contoh: Fuimos a ver la orquesta en un gran concierto realizado por mi primo y sus amigos. En el concierto, los instrumentos por usaron incluyen guitarras, violins, saxofón y otras. (TN 16 P3)  
(Pergi kami menonton orkestra di sebuah konsert besar yang dipersembahkan oleh sepupu saya dan kawan-kawannya. Di konsert itu, instrumen yang digunakan ialah gitar, biola, saksofon dan lain-lain)


Seterusnya, aliran maklumat yang kedua, iaitu aliran Tema Kekal memperlihatkan Tema yang sama muncul bagi setiap ayat. Setiap Rema pula menunjukkan maklumat yang berlainan (Rajah 2).



RAJAH 2. Aliran Tema Kekal

Contoh: Viajaría a la Europa especialmente Paris. Yo compraría muchos regalos por mi amigo y visitare torre Eiffle. Yo donaría uno millonarios por los peores. (TE 15 P2)  
(Berhasrat saya melancong ke Eropah, terutamanya Paris. Berhasrat saya membeli banyak hadiah untuk kawan saya dan melawat menara Eiffle. Berhasrat saya menderma satu juta untuk mereka yang bernasib malang)


Manakala, aliran Pemisahan Rema (*split Rheme*) pula memaparkan Rema (R1) berpecah kepada dua atau lebih. Kemudian Rema-Rema ini (R (i) dan R (ii) pula menjadi Tema dalam aliran klausa yang berikutnya (Rajah 3).



RAJAH 3. Aliran Pemisahan Rema

Contoh: Vivir en una gran ciudad tiene ventajas y desventajas. Entre las ventajas podemos incluir las posibilidades laborales y culturales de las que se puede disfrutar. Las desventajas, sin embargo, son interminables: el tráfico, la polución, los precios, etc. (Alonso 2002:13)  
(Menetap di bandar besar mempunyai kelebihan dan kekurangannya. Antara kelebihannya berkemungkinan kita boleh memperolehi pekerjaan dan menikmati budayanya. Bagaimanapun, kelemahannya adalah tidak berkesudahan: lalu lintas, pencemaran, harga, dan lain-lain)


Sementara itu, aliran Pemisahan Tema bermaksud Tema dalam ayat mengandungi lebih dari satu idea dan kemudian idea-idea tersebut akan berkembang di dalam klausa yang seterusnya dan setiap Tema ini mempunyai Rema yang berlainan (McCabe 1999: 175) (Rajah 4).



RAJAH 4. Aliran Pemisahan Tema


Contoh: The upward movement of wages and the downward price of cereals led... Better wages in both town and countryside enabled the population to... While the price of wheat fell, wine, beer, oil, butter, cheese, meat, fruit,.... (McCabe 1999: 175).

Di dalam aliran Rema Ulangan, Rema di dalam ayat menjadi Rema pada setiap ayat berikutnya seperti dalam Rajah 5. Manakala, Rema Regresi memaparkan Rema di dalam ayat diambil dari Tema ayat sebelumnya seperti dalam Rajah 6.



RAJAH 5. Aliran Rema Ulangan


Contoh: En mi casa, ojalá pueda tendría mi perro favorito, como husky o collie. Me gusta este tipo de perro desde mi infancia. (TE 3 P3)  
(Di rumah saya, saya berkeinginan mempunyai anjing kegemaran saya seperti husky dan collie. Suka saya jenis anjing ini sejak zaman kanak-kanak saya.)



RAJAH 6. Aliran Rema Regresi


Contoh: Margaret published a book. But no one believed her (Ping 2005: 712)

Aliran yang berikutnya iaitu aliran 'Box Development' berlaku apabila elemen Tema dan Rema di dalam ayat menjadi Tema dan Rema dalam ayat yang seterusnya (Rajah 7). Manakala aliran 'Pair-to-Single Development' terjadi apabila pasangan Tema dan Rema di dalam ayat berkait dengan Tema dan Rema ayat seterusnya (Rajah 8).



RAJAH 7. Aliran Box Development


Contoh: Donaría 5 millionario a la gente pobre. Espero que les puede ayudar a ellos. (TE 8 P3)  
 (Berhasrat saya menderma lima juta kepada orang miskin. Berharap saya dapat membantu mereka)



RAJAH 8. Pair-to-Single Development

Contoh: Dos años pasados, fui a Malacca. Fui con mis amigos Cristina y Elizabeth. Hemos visitado Malaca porque liberar la tension en estudio en UUM. (TN 4 P1)  
 (Dua tahun lepas, pergi saya ke Melaka. Pergi saya bersama rakan saya Cristina dan Elizabeth. Kami melawat Melaka kerana ingin melepaskan rasa ketegangan dalam pembelajaran di UUM)

Akhir sekali, aliran Tema Rencam merupakan aliran yang mengharmonikan dua atau lebih aliran Tema dalam konfigurasi maklumatnya (Idris 2010) seperti aliran Rema Ulangan, Tema Berlainan, Tema Linear dan Tema Kekal Berjarak dalam sesebuah perenggan (Rajah 9).



RAJAH 9. Aliran Tema Rencam

Contoh: Aquí, hay mucho actividad y juegos en el playa. Nosotros nadado en el playa. Yo comí la comida la cina en la restaurante cerca de la playa. La comida era deliciosa. Me gusta ir de vacaciones allí de nuevo. (TN 17 P2)  
 (Di sini, terdapat pelbagai aktiviti dan permainan di pantai. Kami berenang di pantai. Saya makan makanan Cina di sebuah restoran berhampiran pantai. Makanan tersebut sedap. Saya suka bercuti di sana lagi)

PENGUKURAN DAN ANALISIS DATA

Setiap karangan dicerakinkan melalui proses pengekodan kepada simbol nombor rujukan. Setiap perenggan akan memaparkan jenis teks, nombor teks, perenggan dan ayat. Unsur Tema dan Rema yang berkaitan dengan jenis aliran Tema akan dihitamkan dan unsur kata kerja utama digariskan. Kemudian jenis aliran tematik akan dinyatakan seperti dalam Jadual 1.

Bagi mengenal pasti Tema dalam ayat, pertalian di antara ayat adalah di permulaan perenggan maka, hubungan antara ayat tidak akan dikira sekiranya melangkaui perenggan. Rasionalnya, mana-mana pautan yang wujud lebih daripada satu perenggan adalah jauh untuk dikesan dan hubungan antara pelbagai jenis aliran tematik akan menjadi terlalu rumit untuk digambarkan seperti yang ditekankan Alekseyenko (2013). Boleh dikatakan bahawa lebih jauh rantaian atau pautan, semakin kurang menunjukkan teks yang koheren dan begitu juga sebaliknya. Tema yang tidak boleh dirantai dari Tema atau Rema sebelumnya dalam sesuatu perenggan akan dilabelkan sebagai Tema Berlainan. Penulis juga tidak mengambil kira kesalahan ejaan dan kesilapan tatabahasa yang wujud kerana tujuan kajian ini bukannya mencari dan menganalisis kesilapan bahasa tetapi membongkar aliran tematik atau idea yang terkandung dalam karangan pelajar. Setelah data dicerakinkan dan dikelompokkan mengikut aliran Tema yang dikenal pasti, proses pengiraan bilangan dan peratusan dalam sesebuah perenggan dilaksanakan. Bagi membezakan penguasaan aliran tematik berdasarkan kepada pembolehubah bidang pengajian, maka huraian dan perbincangan akan menggunakan peratusan berbanding bilangan perenggan. Hal ini disebabkan bilangan sampel kajian ini adalah tidak seimbang dan mengelakkan rumusan yang berat sebelah.

Selain itu, bagi menyokong dan mengukuhkan lagi dapatan kajian dan dapat mengetahui sepenuhnya kesinambungan sesebuah teks penulisan. Maka, alatan nahuan dan leksikal Halliday dan Hassan (1976) dimanfaatkan. Tetenunan nahuan dapat diketahui menerusi pemanfaatan rujukan, penghilangan, penggantian dan penghubung. Tetenunan leksikal pula dapat diamati melalui pernyataan semula secara mengulang kata sama, sebahagian, sinonim atau yang hampir makna dan superordinat (hiponim atau hiperonim) dan namaan kolokasi. Setelah



JADUAL 1. Contoh Pencerakinan

Jenis teks	No. teks	Perenggan	Ayat	Tema	Rema	Jenis aliran tematik
TE	1	2	[1]	Luego, 'Kemudian,	me cenaría con <b>Beyonce y Van Diesel</b> en el restaurante exclusivo. akan <u>makan</u> malam saya bersama Beyonce dan Van Diesel di sebuah restoran eksklusif'	
				T1	R1	
			[2]	Cantaría 'Akan menyanyi saya	enferente de <b>ellos</b> porque <u>me gustaría</u> cantar. di hadapan mereka kerana <u>gemar</u> saya menyanyi'	
				T2	R2 < R1	Rema Ulangan
			[3]	Me gustaría 'Berhasrat saya	<u>casarme con mi novio</u> en la isla de Hawaii porque me encanta la playa mucho. <u>berkahwin</u> dengan teman lelaki saya di pulau Hawaii kerana sangat suka saya pantai'	
				T3	R3	Tema Berlainan
			[4]	<b>Despues de casarse,</b> 'Selepas berkahwin	<u>nacería</u> diez niños y empezaría regimen. akan <u>melahirkan</u> saya sepuluh orang anak dan memulakan hidup'	
				T4 < R3	R4	Tema Linear

itu, alatan nahuan dan leksikal yang dimanfaatkan dalam kedua-dua genre penulisan akan dikenal pasti dan dikira berdasarkan kekerapan dan peratusan secara keseluruhan. Namun, perbincangan dan huraian juga hanya memanfaatkan peratusan bagi mengelakkan rumusan yang berat sebelah sama seperti huraian pemanfaatan aliran tematik.

#### DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Penginterpretasian menunjukkan bahawa terdapat empat dapatan utama yang boleh dirungkai dan dibincangkan mengenai pengaliran idea pelajar menerusi pembolehubah bidang pengajian. Antaranya ialah ketiga-tiga bidang pengajian mendominasi aliran Tema Rencam dalam kedua-dua genre penulisan, pelajar pengajian SS lebih mempelbagaikan jenis aliran Tema dalam kedua-dua genre penulisan, pelajar pengajian ST gagal

mempraktikkan aliran Tema asas dalam penulisan naratif dan pengaliran idea karangan ekspositori pelajar pengajian SK mirip aliran idea karangan naratif. Berikut dihuraikan dapatan-dapatan tersebut.

#### KETIGA-TIGA BIDANG PENGAJIAN MENDOMINASI ALIRAN TEMA RENCAM DALAM KEDUA-DUA GENRE PENULISAN

Menerusi pengamatan didapati pelajar dari pengajian SS, ST dan SK memanfaatkan secara dominan aliran Tema Rencam berbanding aliran Tema yang lain bagi merealisasikan aliran idea penulisan karangan naratif dan ekspositori (Jadual 2). Ini membuktikan bahawa genre penulisan tidak sedikit pun mempengaruhi mereka mengamalkan aliran Tema tertentu seperti yang diperkatakan oleh sarjana terdahulu. Fries (1983) menyatakan agar aliran Tema Kekal dijadikan sebagai tunjang

JADUAL 2. Penguasaan Aliran Tematik Berdasarkan Pembolehubah Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Karangan Naratif					Karangan Ekspositori					
	TR	TK	TL	TB	Jumlah %	TR	TK	TL	TB	RU	Jumlah %
SS (N=21)	80	3	8	9	100	69	8	11	8	3	100
ST (N=3)	62	0	23	15	100	90	0	10	0	0	100
SK (N=6)	68	11	0	21	100	30	30	20	20	0	100


utama garapan idea penulisan naratif dan aliran Tema Linear dimanfaatkan sebagai aliran utama dalam penulisan ekspositori. Hal ini membawa maksud ketiga-tiga kumpulan pengajian tersebut tidak berupaya mengikuti norma penulisan yang sepatutnya.

Hasil kajian ini juga tidak sealiran dengan Durrant (2015) yang menyatakan bahawa aliran idea pelajar pengajian Sains dan Teknologi “*explain their case by building up chains of positive reasoning and a single implication is drawn from each statement or facts in one cluster*” (Durrant 2015: 25). Sebaliknya, pelajar pengajian ST dalam kajian ini mengalirkan ideanya menerusi pelbagai konfigurasi aliran idea, iaitu aliran Tema Rencam (62%) (Jadual 2). Walau bagaimanapun, pandangan Durrant (2015) mengenai aliran idea penulis dari bidang pengajian SK dan SS adalah selari dengan dapatan kajian ini. Mereka dikatakan meluahkan idea dengan “*clarify their argument by acknowledging, and distinguishing their position from, alternative inferences or multiple interpretation in the other*” (Durrant 2015: 25). Hasil kajian ini membuktikan bahawa pelajar aliran SK (68%) dan SS (80%) menginterpretasi aliran maklumatnya menerusi pelbagai konfigurasi idea (Jadual 2). Maka, hasil kajian ini hampir menyamai apa yang ditemukan oleh North (2003) yang menggunakan data karangan deskriptif dan argumentasi yang dihasilkan oleh pelajar Sastera dan Sains. Beliau mendapati pelajar aliran Sastera dan Sains mengamalkan aliran Tema yang bercampur-campur dalam perenggan yang dihasilkan. Walaupun North tidak menamakannya sebagai aliran Tema Rencam, namun jelas dinyatakan “*This passage involves a relatively complex mixture of TP patterns, which was frequent throughout the student writing*” (North 2003: 211).

Dapatan ini juga membuktikan bahawa pembolehubah pengajian yang diikuti pelajar tidak berupaya mempengaruhi mereka bagi memanfaatkan jenis aliran tertentu dalam penulisan. Ini adalah kerana ketiga-tiga kategori bidang pengajian memilih aliran Tema yang sama bagi merealisasikan aliran idea utama karangan naratif dan ekspositori, iaitu aliran Tema Rencam. Mereka bukan sahaja memanfaatkan satu aliran Tema tetapi pelbagai aliran Tema yang bercampur-campur. Ini juga dapat membuktikan bahawa pelajar beraliran Sastera dan Sains yang menulis karangan naratif dan ekspositori bahasa asing seperti dalam kajian ini juga bebas memanfaatkan percampuran aliran Tema.

Berdasarkan penelitian, kepelbagaian konfigurasi aliran idea dapat diperhatikan menerusi pengamalan tiga jenis pola subaliran Tema Rencam, iaitu Tema Dwirencam, Tema Trirencam dan Tema Rencam Kompleks (Rajah 10). Pola subaliran tersebut sama dengan apa yang ditemukan Azlina dan Maserah (2015). Namun penemuannya tidak melibatkan perbincangan mengenai konfigurasi aliran idea berdasarkan bidang pengajian dalam dua genre penulisan (naratif dan ekspositori) tetapi hanya pengaliran idea dalam teks ekspositori. Dengan demikian dapatan ini dapat menambah dan mengembangkan apa yang diulas Azlina dan Maserah (2015).

Dari pengamatan Rajah 10, kesemua bidang pengajian paling tinggi memanfaatkan subaliran Tema Dwirencam berbanding subaliran yang lain (Tema Trirencam 35% dan Tema Rencam Kompleks 6%) dalam penulisan naratif iaitu sebanyak 45% (Rajah 10). Bagi karangan ekspositori pula, mereka paling kerap menggembleng subaliran Tema Trirencam iaitu sebanyak 38% berbanding subaliran yang lain (Tema Dwirencam 16% dan Tema Rencam Kompleks 20%).



RAJAH 10. Peratusan Keseluruhan Penggunaan Subaliran Tema Rencam dalam Karangan Naratif dan Ekpositori

Berikut adalah beberapa contoh pemanfaatan sub aliran Tema Rencam bagi ketiga-tiga bidang pengajian iaitu SS, ST dan SK.

JADUAL 3. Pemanfaatan Aliran Tema Rencam

Jenis teks, No Teks, Perenggan	Ayat	Tema	Rema	Jenis aliran tematik
TN 15 P1 SS	[1]	<b>Mi familia y yo</b> 'Keluarga saya dan saya	hemos <u>viajado</u> a <b>Osaka, Japón por vacaciones.</b> telah <u>mengembara</u> ke Osaka Jepun untuk bercuti'	
		T1	R1	
	[2]	<b>Las vacaciones</b> 'Percutian tersebut	<u>es cinco dias.</u> <u>adalah</u> sebanyak lima hari'	
		T2 < R1	R2	Tema Linear
TE 14 P1 ST	[3]	<b>Nosotros</b> 'Kami	hemos <u>permanecido</u> en Osaka por dos dias y Kyoto por dos dias. telah <u>tinggal</u> selama dua hari di Osaka dan dua hari di Kyoto'	
		T1	R3	Tema Kekal Berjarak
	[4]	<b>Nosotros</b> 'Kami	<u>vamos</u> alli en avión. <u>pergi</u> ke sana dengan menaiki kapal terbang'	
		T1	R4	Tema Kekal Berjarak
TE 14 P1 ST	[1]	Si tuviera diez millones ringgit, 'Sekiranya saya memiliki 10 juta ringgit	<u>compraria una granja</u> en Australia. saya akan <u>membeli</u> sebuah ladang di Australia'	
		T1	R1	
	[2]	<b>La granja</b> 'Ladang tersebut	<u>tendria un montón de animales</u> como canguros, koalas, caballo, vaca y oveja akan <u>mempunyai</u> banyak haiwan seperti kanggaru, koala, kuda, lembu dan biri-biri'	
	T2 < R1	R2	Tema Linear	

	[3]	<b>El entorno de granja</b> 'Di sekitar ladang tersebut	sería <u>plantar</u> árboles y verduras. akan <u>ditanam</u> pokok-pokok dan sayur-sayuran'		
		T2	R3		Tema Kekal
TN 28 P3	[1]	Tambien, 'Juga	<u>visitamos una aldea cultural y aprendimos su estilo de vida.</u> <u>melawat</u> kami sebuah kampung budaya dan mempelajari kami gaya hidup mereka'		
SK		T1	R1		
	[2]	<b>Fue</b> 'Ia	una experiencia interesante. <u>merupakan</u> pengalaman yang menarik'		
		T2 < R1	R2		Tema Linear
	[3]	<b>Ademas de esa, tambien</b> 'Di samping itu, juga	<u>visitamos un orfanato y pasamos tiempo con los niños huérfanos.</u> <u>melawat</u> kami rumah anak yatim dan menghabiskan masa kami dengan anak-anak yatim'		
		T1	R3		Tema Kekal Berjarak
	[4]	Mis padres 'Ibu-bapa saya,	<u>donaron dinero para el orfanato para los niños huérfanos.</u> <u>menyumbangkan</u> wang kepada rumah anak yatim untuk kanak-kanak yatim'		
		T3	R4 < R3		Rema Ulangan

Dalam kesemua konfigurasi aliran tematik dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa kesemua pengajian pelajar memanfaatkan aliran Tema Rencam, iaitu bercampur-campur dengan aliran Tema yang lain. Jika disimpulkan, aliran Tema yang dipraktikkan pelajar dari pengajian SS dalam TN 15 P1 ialah Tema Dwirencam (Tema Linear dan Tema Kekal Berjarak). Begitu juga bagi pelajar ST dalam TE 14 P1 (Tema Linear dan Tema Kekal). Manakala, pelajar dari pengajian SK mengamalkan Tema Trirencam dalam TN 28 P3 (Tema Linear, Tema Kekal Berjarak dan Rema Ulangan).

#### PELAJAR PENGAJIAN SS LEBIH MEMPELBAGAIKAN JENIS ALIRAN TEMA DALAM KEDUA-DUA GENRE PENULISAN

Pelajar SS digambarkan lebih kreatif kerana berupaya mempelbagaikan jenis aliran Tema dalam kedua-dua genre penulisan berbanding pelajar pengajian ST dan SK (Jadual 2). Dengan demikian, benarlah apa yang dikemukakan Durrant (2015) mengenai luahan idea penulis dari pengajian SS adalah dari pelbagai rujukan dan interpretasi. Bagi menjalin idea penulisan naratif (Jadual 2) pelajar SS mengamalkan empat jenis

aliran Tema berbanding pelajar pengajian ST dan SK (tiga jenis aliran Tema). Empat jenis aliran Tema tersebut ialah aliran Tema Rencam (80%), diikuti dengan Tema Berlainan (9%), aliran Tema Linear (8%) dan aliran Tema Kekal (3%). Pelajar dari pengajian SK pula hanya menggembleng tiga jenis aliran Tema iaitu aliran Tema Rencam (68%), aliran Tema Berlainan (21%) dan aliran Tema Kekal (11%). Manakala, pelajar dari pengajian ST juga memanfaatkan tiga aliran Tema, tetapi mereka mengamalkan aliran Tema Rencam sebanyak 62%, disusuli dengan aliran Tema Linear (23%) dan aliran Tema Berlainan (15%). Dengan demikian, pelajar pengajian SS lebih berupaya mempelbagaikan jenis aliran Tema ketika merealisasikan idea penulisan naratif.

Bagi mewacanakan aliran tematik penulisan ekspositori pula (Jadual 2), pelajar SS memanfaatkan lima jenis aliran Tema berbanding pelajar dari pengajian ST (dua jenis aliran tema) dan SK (empat jenis aliran Tema). Lima jenis aliran Tema yang digembleng oleh pelajar pengajian SS ialah aliran Tema Rencam (69%) di tempat pertama. Disusuli dengan aliran Tema Linear (11%) dan aliran Tema Kekal serta aliran Tema Berlainan (8%) yang digunakan dalam jumlah peratusan

yang sama. Aliran yang terakhir ialah aliran Rema Ulangan (3%). Manakala, pelajar dari pengajian SK, menggembleng empat aliran Tema iaitu Tema Rencam dan Tema Kekal yang dipraktikkan dalam jumlah yang sama (30%). Begitu juga bagi aliran Tema Linear dan Tema Berlainan (20%). Pelajar dari pengajian ST hanya menampilkan dua jenis aliran idea penulisan ekspositori iaitu aliran Tema Rencam (90%) dan aliran Tema Linear (10%). Ini menandakan bahawa pelajar pengajian SS lebih mempelbagaikan jenis aliran Tema ketika menghasilkan aliran idea karangan ekspositori. Maka dapatan ini dapat melebarkan lagi laporan kajian-kajian terdahulu (seperti Alonso 2002; Azlina & Maserah 2015; De Haan & Van Esch 2008; Ebrahimi & Ebrahimi 2012; Gao 2012; Herriman 2011; Jalilifar 2010; Medve & Takač 2013; Norfaizah & Anida 2014; Norfaizah, Anida & Idris 2014; Teijeira Rodríguez et al. 2005; Van Esch et al. 2006) yang tidak mengambil berat penguasaan aliran tematik dari pembolehubah bidang pengajian.

#### PELAJAR PENGAJIAN ST TIDAK MEMPRAKTIKKAN ALIRAN TEMA ASAS DALAM TEKS NARATIF

Pelajar pengajian ST tidak mempraktikkan aliran Tema asas kerana mereka tidak memanfaatkan langsung aliran Tema Kekal yang seharusnya digarap sebagai aliran idea utama karangan naratif (Fries 1983) (Jadual 2). Aliran Tema Kekal merupakan aliran Tema yang paling asas dan mudah dipraktikkan dalam kebanyakan aliran Tema yang lain seperti Rema Regresi dan Pemisahan Tema. Dianggap mudah kerana dalam penceritaan naratif pada kebiasaannya hanya perlu mengulangi Tema yang sama seperti dalam ayat sebelumnya. Walau bagaimanapun hanya pelajar dari pengajian SS dan SK mengamalkan aliran ini, iaitu masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 3% dan 11%. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar ST tidak gemar memilih Tema yang sama bagi setiap ayat berikutnya yang akhirnya menyebabkan mereka tidak memanfaatkan langsung aliran Tema yang dianggap paling mudah dalam kebanyakan aliran Tema. Hal ini dapat diperhatikan dalam Jadual 4. Konfigurasi aliran tematiknya ialah gabungan tiga jenis aliran Tema iaitu aliran Tema Linear, Tema Linear Berjarak dan Tema Berlainan dan tidak mempraktikkan langsung aliran Tema Kekal.

Hal ini membuktikan kebenaran pandangan Durrant (2015) yang menyatakan bahawa pelajar

dari pengajian ST sering mengaitkan ayat bagi membuat argumen (Tema Linear) dalam penulisan. Bahkan pandangan Hawes (2015) boleh diambil kira. Hawes (2015: 99) mengatakan penggunaan Tema yang sama akan menampilkan kebosanan atau *'demagogic'* dan kelihatan berat atau keras kepada pembaca. Maka, disebabkan hal tersebut, pelajar pengajian ST tidak memanfaatkan Tema yang sama sahaja. Sebaliknya, pelajar ST cenderung menggembleng aliran Tema Linear iaitu sebanyak 23% (Jadual 2). Walaupun, jumlah tersebut tidak dapat menandingi jumlah peratusan aliran Tema Rencam (62%) namun, jumlah peratusan aliran Tema Linear yang dimanfaatkan oleh pelajar ST adalah paling tinggi berbanding pelajar SS (8%) dan pelajar SK yang tidak memanfaatkannya langsung.

#### PENGALIRAN IDEA KARANGAN EKSPOSITORI PELAJAR PENGAJIAN SK MIRIP ALIRAN IDEA KARANGAN NARATIF

Menerusi pengamatan dapat dirumuskan bahawa garapan idea karangan ekspositori oleh pelajar pengajian SK adalah cenderung kepada norma aliran idea karangan naratif (Jadual 2). Hal ini disebabkan oleh pemanfaatan peratusan aliran Tema Kekal (30%) melebihi jumlah peratusan aliran Tema Linear (20%). Fries (1983) menyatakan pengaliran idea utama penulisan ekspositori adalah aliran Tema Linear yang melibatkan silang rujukan yang tinggi dari Rema ke Tema yang berikutnya. Manakala penulisan naratif akan senantiasa menampilkan aliran Tema Kekal sebagai asas idea utamanya. Namun, hasil kajian ini menunjukkan sebaliknya. Oleh yang demikian, dapatan kajian jelas memaparkan bahawa aliran maklumat penulisan ekspositori oleh pelajar pengajian SK menyerupai aliran idea penulisan naratif. Hal ini menggambarkan bahawa pelajar SK tidak mempedulikan dan tidak menyedari genre penulisan yang dihasilkan.

Keserupaan pengaliran idea karangan ekspositori kepada penulisan naratif ini juga dapat dilihat dan disokong menerusi analisis pautan nahan dan leksikal oleh Halliday dan Hasan (1976). Fries (1983: 124) berpandangan bahawa, pada amnya penulisan karangan naratif melibatkan *"a common character or set of character"* dan *"character"* tersebut menjadi titik permulaan ayat (McCabe 1999: 191). Melalui pengamatan Jadual 5, pelajar pengajian SK mengamalkan

JADUAL 4. Aliran Tema Rencam Teks Naratif Pelajar Pengajian Sains dan Teknologi

Jenis teks, No Teks, Perenggan	Ayat	Tema	Rema	Jenis aliran tematik
TN 13 P1	[1]	El mejores vacaciones 'Percutian terbaik' T1	que he estado <u>es</u> <b>Pulau Langkawi</b> .  yang telah saya miliki <u>ialah</u> <b>Pulau Langkawi</b> ' R1	
	[2]	<b>Hay</b> 'Terdapat' T2 < R1	una gran cantidad de turistas de diferentes paises. ramai pelancong dari pelbagai negara' R2	Tema Linear
	[3]	<b>Era</b> 'Ia' T3 < R1	un lugar muy divertido. <u>merupakan</u> sebuah tempat yang menyeronokkan' R3	Tema Linear Berjarak
	[4]	Me gusta mucho 'Sangat suka saya' T4	mucho porque me <u>siento</u> muy relajado. kerana <u>berasa</u> saya amat mendamaikan' R4	Tema Berlainan

pautan pengulangan kata sama paling tinggi, iaitu sebanyak 42% berbanding pelajar pengajian SS dan ST (26% dan 17%) (tulisan digelapkan). Pautan menerusi pengulangan kata nama yang sama di awal ayat sepatutnya tidak diterapkan dalam penulisan ekspositori kerana ia akan menyerupai penulisan naratif.

JADUAL 5. Peratusan Jenis Pautan Ketiga-tiga Bidang Pengajian dalam Karangan Ekspositori

Jenis Pautan	SS (N=21)	ST (N=3)	SK (N=6)
	%	%	%
<b>Nahuan</b>			
1. Rujukan			
▪ Ganti nama diri	6	8	7
▪ Ganti nama milik	1	0	0
▪ Ganti nama tunjuk	1	0	4
2. Penghilangan			
▪ Namaan	32	31	17
3. Penghubung			
▪ Penambah	10	0	28
▪ Berlawanan	1	0	0
▪ <b>Musabab</b>	13	15	10
▪ <b>Turutan</b>	9	0	10
<b>Leksikal</b>			
1. <b>Pengulangan</b>			
▪ <b>Kata sama/hampir</b>	26	17	42
▪ Sinonim	1	0	0
2. Kolokasi			
▪ kata berkaitan	1	4	7
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Selain itu, pada kebiasaannya penghubung musabab lebih cenderung dimanfaatkan dalam penulisan karangan ekspositori dan argumentasi dan penghubung turutan diamalkan dalam karangan naratif (Durrant 2015; Calsamiglia & Tusón 2007). Namun, hasil kajian ini memaparkan bahawa pautan menerusi penghubung musabab dan turutan dimanfaatkan dalam jumlah peratusan yang sama (10%) oleh pelajar pengajian SK (Jadual 5) (tulisan digelapkan). Inilah yang menyebabkan penulisan ekspositori mereka menyamai penulisan naratif. Jelas menunjukkan mereka sebenarnya keliru dan tidak mengetahui pautan yang sesuai diterapkan dalam genre penulisan ekspositori. Maka, dapatan ini seiring dengan North (2003) yang menyatakan secara lumrahnya pelajar pengajian Sastera dan Sains akan mengamalkan pengulangan kata. Walaupun North mengguna pakai data deskriptif dan argumentasi mengenai hal sains dan sejarah, maka tidak mustahil pelajar dalam kajian ini yang menulis karangan ekspositori dalam bahasa asing juga boleh mempraktikkan pautan melalui pengulangan kata. Berikut adalah beberapa contoh pengulangan kata sama, penghubung turutan dan musabab yang diamalkan oleh pelajar pengajian SK dalam keseluruhan analisis perenggan karangan ekspositori.

JADUAL 6. Contoh Pengulangan Kata Sama, Penghubung Turutan dan Musabab Pelajar Pengajian SK

No.Teks, Perenggan	Ayat	Tema	Rema
27, P2	[1]	<b>Voy</b> ‘Akan saya	a <u>abris</u> un café para ganar mas dinero como me encanta ir a los cafes. membuka sebuah kafe untuk memperolehi banyak duit kerana saya suka pergi ke kedai kafe’
	[2]	<b>Voy</b> ‘Akan saya	a <u>emplear</u> buenos cheffs para preparar una deliciosa comida en mi café. <u>mengupah</u> tukang masak yang bagus bagi menyediakan makanan yang lazat di kafe saya’
28, P3	[1]	<b>Yo tambien</b> ‘Saya juga	voy a <u>comprar</u> un gran coche deportivo de color rojo. akan <u>membeli</u> sebuah kereta lumba berwarna merah yang besar’
	[2]	<b>Yo también</b> ‘Saya juga	voy a <u>comprar</u> muchas ropas de diseñador, zapatos y bolsas porque me gustan fashion mucho. akan <u>membeli</u> banyak pakaian berjenama, kasut dan beg kerana saya amat sukakan fesyen’
25, P4	[1]	Yo ‘Saya	quiero <u>como</u> sus comidas. ingin <u>makan</u> makanan mereka’
	[2]	Frances y Italiano comida ‘Makanan dari negara Perancis dan Itali	<u>es</u> muy delicioso pero yo nunca jamas como comida espanol. <u>adalah</u> sangat sedap tetapi saya tidak pernah makan makanan dari negara Sepanyol’
	[3]	<b>Con que,</b> ‘Oleh sebab itu,	yo deseo <u>salir</u> a Espana por como. saya berhasrat <u>pergi</u> ke negara Sepanyol untuk makan’
26, P1	[1]	Cuando yo ganara la loteria, me intención ‘Apabila saya memenangi cabutan bertuah, saya berniat	<u>compra</u> una casa grande. untuk <u>membeli</u> sebuah rumah yang besar’
	[2]	<b>Luego,</b> Kemudian,	yo <u>ordeno</u> una coche por todos mi familia miembro. saya <u>menempah</u> sebuah kereta bagi seluruh ahli keluarga saya’

Dalam Jadual 6, memaparkan bahawa kesemua perenggan tersebut (teks 27 dan 28) memilih frasa **voy** (akan saya) dan **yo tambien** (saya juga) untuk diulangi dan diambil sebagai Tema dalam ayat yang berikutnya. Pengambilan Tema yang sama di permulaan ayat menjadikan perenggan tersebut umpama aliran idea karangan naratif. Hal yang sama berlaku dalam teks 25 dan 26, di mana penghubung musabab **Con que** (oleh sebab itu) dan penghubung turutan **Luego** (Kemudian) dicampuradukkan dan pemanfaatannya dalam jumlah yang sama (10%) secara keseluruhan (Jadual 5). Dapatan ini membuktikan bahawa mereka tidak peka dengan aliran idea yang perlu dimanfaatkan dalam genre penulisan ekspositori dan naratif. Dengan demikian, aspek Tema dan Rema perlu dititikberatkan dalam sesebuah penulisan dan keprihatinan terhadap genre yang dihasilkan perlu diterapkan dalam penulisan dan pengajaran.

## KESIMPULAN

Secara konklusinya, makalah ini meneroka aliran tematik dua buah genre penulisan (naratif dan ekspositori) oleh pelajar BS sebagai bahasa asing berdasarkan pembolehubah bidang pengajian (SS, SK dan ST). Dapatan menunjukkan bukan sahaja pelajar pengajian SS dan SK memanfaatkan aliran Tema Rencam sebagai asas utama pengaliran idea kedua-dua genre penulisan, bahkan pengajian ST turut mengamalkannya. Maka apa yang diujarkan oleh Durrant (2015) mengenai pengaliran idea pelajar dari aliran ST yang menjelaskan sesuatu perkara dengan membina rangkaian pemikiran yang positif dan implikasi tunggal diambil dari setiap kenyataan atau fakta dalam satu kelompok adalah tidak konsisten dengan dapatan kajian ini. Secara realitinya, mereka bebas memajmukkan kesemua jenis aliran Tema dalam sesebuah perenggan

tanpa dibayangi oleh pengajian yang diikuti, tanpa menyedari genre penulisan dan tidak menghiraukan pandangan yang mengatakan karangan ekspositori seharusnya memanfaatkan aliran Tema Linear dan karangan naratif mengamalkan aliran Tema Kekal. Ini menggambarkan bahawa, walaupun mereka berada di tahap lanjutan, namun mereka masih belum berupaya menguasai aspek aliran tematik dengan sebaik-baiknya. Dengan erti kata lain, pembolehubah bidang pengajian tidak memainkan peranan dan tidak mempengaruhi pembinaan aliran tematik mereka. Pemanfaatan kepelbagaian konfigurasi aliran tematik di dalam teks dianggap lebih berkesinambungan dan berpautan kepada mereka. Walaupun kelihatan janggal, inilah cara penyampaian penulisan yang dipilih oleh mereka.

Justeru itu, pendekatan pengajaran mengguna pakai Tema/Rema dalam kelas bahasa asing amat sesuai dipraktikkan dan diintegrasikan ke dalam aktiviti atau tugas penulisan. Pelajar juga perlu kerap didedahkan dengan bahan bacaan dalam BS agar dapat mengetahui bagaimana cara penulisan dan penyampaian bahasa tersebut. Walaupun responden dalam kajian ini mempelajari BS di tahap lanjutan dan mempelajari sukatan pelajaran yang sama namun, pada hakikatnya mereka memiliki penguasaan bahasa yang terbatas. Terbatas bermaksud terhad dari segi kemampuan bahasanya iaitu kosa kata, nahu, masa dan pendedahan. Dengan demikian, seelok-eloknya guru memastikan pelajar memfokuskan penghasilan idea karangan yang 'baik' berbanding pengaliran idea yang 'sempurna' (*perfect*). Bagi menghasilkan karangan yang sempurna mereka memerlukan latihan, pendedahan dan masa yang mencukupi. Menerusi implikasi kajian ini diharapkan dapat menyumbang dan mencelikkan minda masyarakat khususnya para guru mengenal pasti kekuatan dan kekurangan yang wujud dalam karangan yang dihasilkan pelajar dari pelbagai latar belakang bidang pengajian yang mempelajari bahasa asing di negara bukan natif. Sekaligus membuahakan percambahan idea dalam kajian linguistik dan linguistik terapan terutamanya yang menjurus kepada pembelajaran bahasa asing di negara bukan natif. Kajian lanjut mengenai perbezaan antara ketiga-tiga kategori ini yang memfokuskan organisasi teks amat dialukan bagi menerangkan perbezaan tersebut dengan lebih jelas lagi. Disebabkan kekangan tenaga pengajar, bilangan pelajar dan masa ketika data ini dikutip maka, kajian sebegini juga boleh diteruskan dengan

memperluaskan kutipan data di beberapa universiti awam dan swasta lain.

#### NOTES

- <sup>1</sup> Rasional mengenai kemunculan subaliran ini boleh dirujuk dalam Azlina Mohd Sera'ai & Maserah Shabudin. 2015. Ciri Aliran Tematik Karangan Ekspositori Bahasa Sepanyol Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 10(2): 41–56.

#### RUJUKAN

- Alderson, J.C. & Bachman, L.F. 2002. Series Editors' Preface. In *Assessing Writing*, edited by Sara Cushing Weigle, x–xi. Cambridge UK: Cambridge University Press.
- Alekseyenko, N.V. 2013. A corpus-based study of theme and thematic progression in English and Russian non-translated texts and in Russian translated texts. Ph.D Dissertation, Kent State University.
- Alonso, Belmonte Isabel. 2002. Analisis del discurso en acción: el papel de las nociones de tema y rema en la enseñanza de lenguas extranjeras. In *Revista de Didáctica del Español Como Lengua Extranjera*, edited by Llobera Miquel and Neus Sans, 10:9–21. Madrid: Fundación Actilibre.
- Azlina Mohd Sera'ai & Maserah Shabudin. 2015. Ciri aliran tematik karangan ekspositori bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. *Jurnal e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 10(2): 41–56. <http://pkukmweb.ukm.my/~ebangi>. Retrieved on: 2 May 2016.
- Belcher, D. 2013. The scope of L2 writing: why we need a wider lens. *Journal of Second Language Writing* 22(4): 438–439.
- Calsamiglia, A. & Tusón, H. 2007. *Las Cosas del Decir. Manual de Análisis del Discurso*. Ariel Lingüística: Barcelona.
- CEFR (*Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment*). 2001. Cambridge University Press. [http://www.coe.int/t/dg4/linguistic/cadre1\\_en.asp](http://www.coe.int/t/dg4/linguistic/cadre1_en.asp). Retrieved on: 17 Mac 2016.
- Daneš, F. 1974. Functional sentence perspective and the organization of the text. In F.Daneš, ed. *Papers on Functional Sentence Perspective*, 106–128. Prague: Academia /The Hague: Mouton.



- De Haan, P., & Van Esch, K. 2008. Measuring and assessing the development of foreign language writing competence. *Porta Linguarum* 9: 7–21.
- Durrant, P. 2015. Lexical bundles and disciplinary variation in university students' writing: mapping the territories. *Applied Linguistics* 1–30.
- Ebrahimi, S. F. & Ebrahimi, S. J. 2012. Information development in EFL students composition writing. *Advances in Asian Social Science* 1(2): 212–217.
- Enkvist, N. E. 1973. Theme dynamics and style: an experiment. *Studia Anglica Posnaniensia* 5:127-135
- Fries, P. H. 1983. On the status of Theme in English: arguments from discourse. In Janos Petöfi and Emel Sözer (Eds.), *Micro and Macro Connexity of Texts*, 116-152. Papers in Textlinguistics 45. Hamburg: Helmut Buske Verlag.
- Gao, L. 2012. Examining argumentative coherence in essays by undergraduate students of English as a foreign language in Mainland China and their English speaking peers in the United States. Ph.D Thesis in Curriculum and Instruction, Florida International University.
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. 1976. *Cohesion in English*. London: Longman.
- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. M. I. 2004. *An Introduction to Functional Grammar*. 3<sup>rd</sup> Edition. London: Edward Arnold.
- Herriman, J. 2011. Themes and theme progression in Swedish advanced learners' writing in English. *Nordic Journal of English Studies* 10(1): 1–28.
- Hawes, T. 2015. Thematic progression in the writing of students and professionals. *Ampersand*, 2: 93–100.
- Idris Aman. 2010. *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalilifar, A. R. 2010. Thematization in EFL students' composition writing and its relation to academic experience. *RELC Journal* 41(1): 31–45.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kubota, R. 2013. Dislimiting second language writing. *Journal of Second Language Writing* 22(4): 430–431.
- McCabe, A. M. 1999. Theme and thematic patterns in Spanish and English history texts. Ph.D Thesis, Aston University.
- Medve, V. B. & Takač, V. P. 2013. The influence of cohesion and coherence on text quality: a cross-linguistic study of foreign language learners' written production. In *Language in Cognition and Affect*, edited by Ewa Piechurska-Kuciel and Elżbieta Szymańska-Czaplak, 111–131. Berlin, Heidelberg: Springer
- Norfaizah Abdul Jabar & Anida Sarudin. 2014. Proses tematik dalam pembinaan karangan: analisis teori linguistik sistemik fungsional. *Kajian Linguistik* 1: 126–140.
- Norfaizah Abdul Jabar, Anida Sarudin & Idris Mohd Radzi. 2014. Pola tematik dan implikasinya dalam pengajaran penulisan karangan. *Jurnal Pendeta* 5: 25–41.
- North, S.P. 2005. Disciplinary variation in the use of theme in undergraduate essays. *Applied Linguistics* 26 (3): 431-452.
- North, S.P. 2003. Emergent disciplinarity in an interdisciplinary course: theme use in undergraduate essays in the history of science. Ph.D Thesis, Faculty of Education and Language Studies, Open University.
- Ping, A. L. 2005. Talking themes: the thematic structure of talk. *Discourse Studies* 7(6): 701–732.
- Ping, A. L. 2007. Developing the Message: Thematic progression and student writing. *The Journal of Asia TEFL* 4(3): 93–127.
- Reichelt, M., Lefkowitz, N., Rinnert, C. and Schultz, J.M. 2012. Key issues in foreign language writing. *Foreign Language Annals* 45(1): 22–41.
- Sánchez, D. 2009. La expresión escrita en la clase de ELE. *MarcoELE: Revista de Didáctica del Español Como Lengua Extranjera* 8(1): 1–41.
- Teijeira Rodríguez, C., Van Esch, K. & De Haan, P. 2005. La coherencia y la cohesión en textos escritos por estudiantes holandeses de español como LE. *Estudios de Linguística Aplicada* 23(41): 67–100.
- Van Esch, K., De Haan, P., Frissen, L., Gonzalez Santero, I. & De La Torre Miranda, A. 2006. Evolución en la competencia escrita de estudiantes de español como lengua extranjera. *Estudios de Linguística Aplicada* 43: 55–76.
- Wee Sew, J. 2012. Malay and global literacy. *Akademika* 82(2): 25-35.

Azlina Mohd Sera'ai (corresponding author)  
Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC)  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor  
Malaysia  
\*Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
E-mail: [linseraai@gmail.com](mailto:linseraai@gmail.com)

Idris Aman  
Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
E-mail: [idrisa@ukm.edu.my](mailto:idrisa@ukm.edu.my)

Masera Shabudin  
Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
E-mail: [masera@ukm.edu.my](mailto:masera@ukm.edu.my)

Received: 27 June 2016

Accepted: 2 February 2017